

**Manifesto BN P.Pinang Janjikan Pertumbuhan Ekonomi
Bernama
18 April, 2013**

GEORGE TOWN, 18 April (Bernama) -- Manifesto Barisan Nasional (BN) Negeri Pulau Pinang menjanjikan pertumbuhan ekonomi yang akan memakmur dan memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat, kata Pengerusi BN Negeri, Teng Chang Yeow.

Ia merangkumi semua aspek dengan memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi yang bakal menjadi enjin baharu kepada Pulau Pinang selain sektor pembuatan yang menjadi penyumbang kepada ekonomi, jelasnya kepada pemberita selepas melancarkan manifesto tersebut di sini Khamis malam.

Manifesto yang menggariskan 19 teras utama dan 26 aku janji itu bertemakan 'Pulau Pinang Yang Unggul'.

Teng berkata pertumbuhan ekonomi tidak boleh lagi bergantung hanya kepada sektor pembuatan, sebaliknya memerlukan enjin pertumbuhan ekonomi yang baharu, bagi mengelak Pulau Pinang berdepan kemelesetan ekonomi yang serius.

"Enjin pertumbuhan ekonomi baharu yang dikenal pasti ialah dalam sektor pelancongan dan perkhidmatan, berikutan kedudukan strategik Pulau Pinang di kawasan segi tiga emas yang turut meliputi selatan Thailand dan utara Sumatera.

"Sebuah kerajaan yang bertanggungjawab harus menggariskan dasar pembangunan ekonomi dan bukannya secara ad-hoc," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943293>